



**PERATURAN PERTANDINGAN
(JULIE'S CHOCO MORE, BOLA MORE! CUP -U16).
CHOCO MORE, BOLA MORE! KEJOHANAN BOLASEPAK
SEKOLAH MENENGAH PERINGKAT NEGERI JOHOR
(BAWAH 16 TAHUN).**

1. NAMA PERTANDINGAN

Pertandingan ini dinamakan (JULIE'S CHOCO MORE, BOLA MORE! CUP (U16).
CHOCO MORE BOLA MORE! KEJOHANAN BOLASEPAK SEKOLAH
MENENGAH PERINGKAT NEGERI JOHOR (BAWAH 16 TAHUN).

2. TARIKH, MASA, DAN TEMPAT PERTANDINGAN

Jawatankuasa penganjuran telah menetapkan seperti berikut, tarikh dan venue
boleh diubah mengikut keadaan semasa;

2.1 PERLAWANAN PERINGKAT KUMPULAN 16 PASUKAN.

Tarikh: 15hb & 16hb September 2023 (ZON UTARA)

Tarikh: 22hb & 23hb September 2023 (ZON SELATAN)

2.2 PERLAWANAN PERINGKAT SUKU AKHIR.

Tarikh: 6hb & 7hb Oktober 2023

2.3 PERLAWANAN PERINGKAT SEPARUH AKHIR.

Tarikh: 20hb Oktober 2023

2.4 PERLAWANAN TEMPAT KE-3/KE-4 & PERLAWANAN AKHIR.

Tarikh: 21hb Oktober 2023

3. UNDANG-UNDANG

- 3.1 Pertandingan akan dijalankan mengikut undang-undang 11 sebelah yang berkuatkuasa sebagaimana yang diperuntukkan oleh FIFA serta diterima pakai oleh Persatuan Bolasepak Malaysia.
- 3.2 Selain dari peraturan umum di atas, Jawatankuasa Teknikal Pertandingan adalah berhak meminda/mengadakan peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjur aktiviti sukan.

4. PENDAFTARAN PEMAIN

- 4.1 Setiap pasukan hanya boleh mendaftar **18 pemain** dan setiap pasukan hendaklah terdiri daripada :-
 - 4.1.1 Pemain hendaklah dibawah umur **16 tahun @ yang lahir pada tahun 2007 ke atas yang mewakili sekolah atau kelab disekitar Negeri Johor Darul Takzim sahaja.**
 - 4.1.2 Setiap pasukan boleh mendaftarkan tidak lebih dari **18 orang pemain di dalam senarai nama (startlist)** sebelum diserahkan kepada pegawai perlawanan.
 - 4.1.3 Pemain hendaklah **Warganegara Malaysia sahaja.**
 - 4.1.4 Pihak Penganjur dan Jawatankuasa Pertandingan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kecederaan/kemalangan yang berlaku sebelum/semasa /selepas setiap perlawanan kepada pemain yang didaftarkan. Sekolah/Persatuan/Kelab adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan pemainpemainnya.
- 4.2 Hanya pemain yang didaftarkan oleh Sekolah/Persatuan/Kelab akan dibenarkan bermain dalam pertandingan ini, Semua pemain mesti didaftarkan dengan menggunakan Borang Pendaftaran pemain beserta dengan 1 salinan kad pengenalan (sekiranya perlu). Seseorang pemain hanya dibenarkan bermain untuk satu pasukan sahaja dalam pertandingan ini. Adalah menjadi tanggungjawab Sekolah/Persatuan/Kelab untuk memastikan bahawa pemain tersebut layak untuk mewakili

Sekolah/Persatuan/Kelab tersebut. **Pemain yang tidak membawa Kad Pengenalan yang asal pada hari perlawanan tidak dibenarkan bermain.**

4.3 Setiap Pasukan hendaklah mendaftar tidak lebih dari **5 (lima)** orang pegawai. Hanya pegawai yang berdaftar sahaja layak untuk berada dibangku simpanan pemain. Pegawai-pegawai tersebut ialah:-

- i) Pengurus Pasukan
- ii) Penolong Pengurus
- iii) Ketua Jurulatih
- iv) Kitman
- v) Fisioterapi

4.4 Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan sebelum tarikh pertandingan bermula, tempat, masa dan tarikh akan dimaklumkan kemudian.

4.4.1 Borang Penyertaan, salinan kad pengenalan pegawai pasukan dan pemain hendaklah diserahkan kepada penganjur kejohanan sebelum Mesyuarat Pengurus Pasukan.

4.4.2 Taklimat mengenai kejohanan dan cabutan undi akan dilakukan semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan. **(Undian boleh dilakukan oleh pihak penganjur tanpa kehadiran semua pengurus pasukan. Segala keputusan undian akan dimaklumkan kepada semua pasukan.)**

5. MASA PERMAINAN DAN CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN PERLAWANAN

5.1 Masa permainan adalah **40 minit X 10 minit X 40 minit pada pusingan awal** peringkat kumpulan sehingga ke perlawanan akhir.

5.2 PERINGKAT KUMPULAN (Pusingan awal).

5.2.1 Pusingan awal akan dijalankan secara liga. Cara pemberian mata adalah seperti berikut :-

- I. Menang – 3 mata
- II. Seri – 1 mata
- III. Kalah – 0 mata

5.2.2 Sekiranya mana-mana pasukan gagal bermain sesuatu perlawanan, pasukan lawan hendaklah diberikan 3 mata

dengan jaringan 3-0. Jika terdapat mana-mana pasukan yang digantung atau menarik diri dari pertandingan atas apa-apa jua sebab sekalipun, maka mata dan jaringan gol yang masuk dan kena tidak diambil kira.

5.2.3 Jika 2 atau lebih pasukan memperolehi mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:-

- i. Keputusan pemenang diantara perlawanan kedua-dua pasukan ('Head to Head')
- ii. Pasukan yang memenangi lebih perbezaan gol
- iii. Ditentukan melalui jumlah bolos
- iv. Pasukan yang menjaringkan lebih banyak gol
- v. Jika masih seri, sepakan penalti sebanyak 5 kali akan diberi, sehingga mendapat keputusan.

5.2.4 Dua pasukan teratas layak ke perlawanan peringkat suku akhir.

5.3 PERINGKAT SUKU AKHIR, SEPARUH AKHIR DAN AKHIR (KALAH SINGKIR).

5.3.1 Jika perlawanan berkesudahan dengan seri, maka perlawanan akan dijalankan dengan sepakan dari tanda penalti bagi menentukan pasukan yang menang :-

- vi. 5 sepakan dari tanda penalti akan diambil oleh kedua-dua pasukan. Pasukan yang banyak jaringan gol akan dikira sebagai pemenang.
- vii. Jika masih seri, tambahan **sepakan penalti 'sudden death'** akan diambil oleh kedua-dua pasukan, sehingga mendapat keputusan.

6. CARA PERTANDINGAN

6.1 Semua pasukan akan diundi untuk perlawanan peringkat kumpulan dan kalah singkir, jadual akan disertakan oleh penganjur. ***(Penganjur berhak meminda mengikut jumlah pasukan yang terlibat dan berhak membuat undian tanpa kehadiran Pengurus-Pengurus Pasukan).***

- 6.2 Perlawanan akan dijalankan secara kumpulan dan kalah singkir (kalah mati).
- 6.3 Untuk memulakan permainan, bilangan minimum pemain untuk 1 pasukan ialah 7 orang termasuk penjaga gol. Sekiranya dalam perkara di mana pemain diperintah keluar padang dan satu pasukan tinggal kurang dari 7 pemain, maka permainan tersebut hendaklah dibatalkan dan kemenangan akan diberikan kepada pasukan lawan dengan jaringan 3-0 atau mengikut jumlah jaringan ketika perlawanan ditamatkan (jumlah jaringan yang banyak akan dikira sebagai keputusan perlawanan).
- 6.4 Tiada had bagi pertukaran pemain. Pemain yang keluar **tidak dibenarkan** untuk masuk semula. **Semua pasukan dibenarkan membuat penggantian 7 orang pemain.**
- 6.5 Syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi apabila gantian dibuat semasa bola dalam permainan:-
- 6.5.1 Pemain yang meninggalkan padang hendaklah keluar melintasi garisan tepi di kawasan zon penggantian atau mana-mana kawasan yang berdekatan.
 - 6.5.2 Pemain yang masuk ke padang juga dikehendaki berbuat demikian dari kawasan zon penggantian tetapi hendaklah menunggu sehingga pemain yang hendak keluar telah melintasi garisan tepi.
 - 6.5.3 Seseorang pengganti adalah tertakluk kepada kuasa dan kebijaksanaan pengadil sama ada memanggil atau tidak untuk bermain.

7. KESALAHAN DAN KELAKUAN TIDAK SOPAN

- 7.1 Mana-mana pemain yang didapati menyerang pengadil atau pemain yang diperintah keluar padang kerana bergaduh akan digantung bermain sepanjang tempoh kejohanan. Satu laporan polis akan dilakukan terhadap pemain tersebut mengikut budi bicara penganjur.
- 7.2 Pemain yang menerima perintah keluar padang (kad merah) tidak dibenarkan bermain pada permainan tersebut.
- 7.3 Apabila pemain menerima KAD MERAH, pemain tersebut akan digantung **2 perlawanan.**

- 7.4 Keputusan Pengadil adalah **MUKTAMAD**.
- 7.5 Penganjur berkuasa penuh untuk membuat semua keputusan dan menentukan sebarang perkara berkaitan pertandingan dan keputusan itu adalah **MUKTAMAD**.

8. PENGADIL

- 8.1 Jawatankuasa Pertandingan akan memaklumkan kepada Jawatankuasa Pengadil untuk melantik Pengadil-Pengadil Perlawanan dari kalangan Pengadil-Pengadil yang **bertauliah** mengikut jadual perlawanan yang disediakan oleh Jawatankuasa Pertandingan.
- 8.2 Sekiranya pemain/pegawai/penyokong/penonton sesuatu pasukan menyerang pemain pasukan lawan atau pegawai perlawanan (Pengadil, penolong pengadil, pegawai keempat) dan pegawai Pertandingan yang dilantik sebelum, semasa atau selepas sesuatu perlawanan, **pasukan itu akan disingkirkan terus daripada pertandingan**.

9. KELEWATAN

- 9.1 Hanya 10 minit masa menunggu sahaja diberikan kepada pasukan yang lewat. Jika sekiranya pasukan yang bertanding lewat melebihi masa yang diberikan maka kemenangan percuma akan diberikan kepada pasukan lawannya dengan jaringan 3-0.

10. MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

- 10.1 Semua pasukan dimestikan menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh memberikan kemenangan percuma kepada pihak lawannya untuk perlawanan yang akan atau sedang berlangsung.

11. WARNA JERSI DAN PERALATAN PEMAIN

- 11.1 Setiap pasukan dikehendaki menyediakan 2 set jersi pada setiap perlawanan peringkat kumpulan. Lapan **(8)** pasukan yang berjaya ke perlawanan suku akhir akan dibekalkan dan diberikan set baju/jersi beserta stokin oleh pihak penganjur. **Jersi tersebut hendaklah digunakan oleh semua pasukan yang layak semasa perlawanan suku akhir, separuh akhir, tempat ketiga & keempat dan perlawanan akhir.** *Warna jersi yang dibekalkan adalah Kuning dan Biru iaitu warna utama Syarikat Penaja Kejohanan.*

- 11.2 ***Semua pemain mesti memakai jersi yang lengkap termasuk Pelapik Tulang kering (Shin Guard) strapping dililit diatas stokin mestilah sama warna dengan stokin. Semua pemain hendaklah berstoking panjang.***
- 11.3 Semua jersi hendaklah bernombor dan nombor yang digunakan adalah daripada nombor 1 – 18 sahaja.
- 11.4 Ketua pasukan hendaklah memakai lilitan lengan yang nyata dilengan kiri jersinya. Sekiranya Ketua pasukan digantikan maka lilitan lengan tersebut hendaklah diberikan kepada pemain yang mengambil alih sebagai ketua pasukan.

12. RAYUAN DAN BANTAHAN

- 12.1 Sebarang bantahan hendaklah dibuat secara bertulis mengikut format surat rasmi oleh **Pengurus Pasukan atau Ketua Jurulatih** sahaja dan perlu diserahkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan atau wakilnya **tidak melebihi tempoh 12 jam selepas tamat perlawanan** beserta bayaran sebanyak **RM500.00** tunai selepas tamat perlawanan. Wang bantahan tersebut akan dipulangkan sekiranya berjaya. **Sebarang bantahan hendaklah disertakan dengan bukti daripada pasukan yang membuat bantahan.**
- 12.2 Juri Rayuan yang terdiri daripada Pengerusi Pertandingan, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Ketua Pengadil akan bersidang untuk membincangkan tentang sebarang rayuan atau bantahan. Segala keputusan Juri Rayuan adalah muktamad.

13. LAIN-LAIN

- 13.1 Peraturan dan undang-undang yang tidak disebut diatas adalah tertakluk kepada Peraturan dan Undang-Undang FIFA dan FAM.
- 13.2 **Penyertaan adalah PERCUMA.**
- 13.3 Pihak penganjur masih boleh menokok tambah atau mengenakan apa-apa syarat yang dirasakan relevan dengan pertandingan pada bila-bila masa dan keputusan tersebut adalah **MUKTAMAD.**
- 13.4 **Perkara 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11 & 12, tertakluk kepada undang-undang atau peraturan PERSATUAN BOLASEPAK NEGERI JOHOR (PBNJ), kecuali perkara 4.1 & 4.3.**

14. PERUBATAN & LIABILITI

- 14.1 Satu pasukan perubatan akan berada di tempat semasa waktu perlawanan kejoanan untuk memberikan bantuan kepada sesiapa yang memerlukannya. Dalam keadaan mereka perlu dibawa ke hospital, keutamaan akan diberikan dan tertakluk kepada budi bicara kakitangan perubatan dan penjaga individu sekiranya ada.
- 14.2 Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kematian, kecacatan, kecederaan peribadi, kehilangan harta benda, atau sebarang kerugian lain yang timbul dari sebab apa pun pada bila-bila masa sepanjang kejoanan ini berlangsung.

15. SUMBANGAN HADIAH KEMENANGAN

- 15.1 JOHAN : RM2,300.00 - Tunai
(RM100 seorang kepada 18 pemain dan 5 pegawai)
: Piala/Plaque/Plate
: 23 Pingat + Sijil penyertaan
: Pembekalan Biskut Choco More selama 1 tahun
(18 pemain + 5 pegawai)
: 2 set Jersi + sepasang Stokin (diberikan semasa peringkat suku akhir)
- 15.2 N. JOHAN : RM800.00 – Tunai
(RM800 kepada 18 pemain dan 5 pegawai)
: Piala/Plaque/Plate
: 23 Pingat + Sijil penyertaan
: Pemberian Biskut Choco More 132g
(18 pemain + 5 pegawai)
: 2 set Jersi + sepasang Stokin (diberikan semasa peringkat suku akhir)
- 15.3 TEMPAT KE-3 : RM500.00 (Tunai)
(RM500 kepada 18 pemain dan 5 pegawai)
: 23 Pingat + Sijil penyertaan
: 'Goodies bag' (18 pemain + 5 pegawai)
: 2 set Jersi + sepasang Stokin (diberikan semasa peringkat suku akhir)
- 15.4 TEMPAT KE-4 : RM300.00 (Tunai)
(RM300 kepada 18 pemain dan 5 pegawai)

: 23 Pingat + Sijil penyertaan
: 'Goodies bag' (18 pemain + 5 pegawai)
: 2 set Jersi + sepasang Stokin (diberikan semasa peringkat suku akhir)

15.5 4 PASUKAN TEWAS : Sijil penyertaan
DI SUKU AKHIR : 'Goodies bag' (18 pemain + 5 pegawai)
: 2 set Jersi + sepasang Stokin (diberikan semasa peringkat suku akhir)

15.6 PASUKAN TEWAS : Sijil penyertaan
PERINGKAT DI : 'Goodies bag' (18 pemain + 5 pegawai)
KUMPULAN

16. MEDIA & HAK GAMBAR

16.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kejohanan, Pasukan atau Pemain memberikan penganjur hak untuk menggunakan gambar, video, dan nama mereka untuk tujuan promosi.

17. HUBUNGI

17.1 Extra Ordinary Events Sdn Bhd adalah agensi yang dilantik oleh Penganjur dalam acara ini. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Max Chung di +6014 9985990.

18. HAK PENGANJUR

18.1 Penganjur berhak untuk meminda, mengubahsuai, mengemaskini, menukar, atau menghentikan perlawanan atau sebahagian daripada Terma dan Syarat pada bila-bila masa tanpa notis terdahulu. Sebarang pindaan yang dibuat akan berkuat kuasa dengan serta-merta setelah dipaparkan.

18.2 Penganjur juga berhak untuk membatalkan, menjadual semula, dan/atau memindahkan peristiwa ini dalam keadaan yang tidak terduga dan mengikut panduan kerajaan yang berkuasa pada masa tersebut.

19. PERLINDUNGAN DATA & PRIVASI

- 19.1 Dengan menyertai Kejohanan ini, Pasukan dan Pemain bersetuju untuk menyediakan maklumat peribadi mereka dan Penganjur berhak untuk menyimpan, memproses, menerbitkan, dan menggunakan nama dan/atau gambar pasukan dan pemain serta Pasukan Johan selain daripada penyertaan mereka untuk tujuan publisiti, pengiklanan, dan/atau perdagangan tanpa pampasan atau notis lanjut, dan pasukan dan pemain tidak berhak untuk membuat tuntutan terhadap Penganjur untuk penggunaan tersebut.
- 19.2 Dengan menyertai Kejohanan Choco More, Bola More!, semua Pasukan dan Pemain bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini.